

LAWATAN KEBAJIKAN KEPADA BALU ALLAHYARHAM PW U II ISWANDI BIN YAHYA

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3995-lawatan-kebajikan-kepada-balu-allahyarham-pw-u-ii-iswandi-bin-yahya

MUAR, 9 Okt 18 - Satu lawatan kebajikan kepada balu Allahyarham PW U II Iswandi bin Yahya iaitu Puan Siti Khirul Muna bt Kasmon telah diadakan di kediaman beliau di Parit Jawa, Muar.

Dalam lawatan tersebut, turut disampaikan adalah penyerahan Cek Zakat dan Sumbangan Khairat Kematian Tabung Jemaah Tertinggi BAKAT Udara oleh Pengerusi BAKAT PU Subang, Datin Hjh Siti Norlela bte Alwi serta diiringi oleh Biro Kebajikan BAKAT Udara Pangkalan dan beberapa pegawai serta anggota.

Allahyarham yang pernah berkhidmat di No 2 Skn telah meninggal dunia pada 25 Sept 2018 akibat penyakit leukimia.

